# Transformasi pendidikan negara untuk rakyat

B/H 28/4/12 MS. 5

## Kajian semula mantapkan sistem pendidikan negara

**Oleh Habsah Dinin dan Haryani Ngah**
*bhnews@bharian.com.my*

Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN) yang membabitkan masyarakat umum akan dilancarkan Ahad ini bertujuan untuk mendapatkan idea melalui sesi dialog dan persidangan meja bulat.

Selepas pelancaran DNPN, siri jelajah ke seluruh negara bermula Mei hingga Julai akan diadakan di semua negeri bagi mendapatkan pandangan dan input yang komprehensif sebagai panduan asas utama kepada penambahbaikan sistem pendidikan negara.

Dialog kebangsaan itu akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Pengerusi Dialog Kebangsaan,



**Wan Zahid Mohd Noordin**

dibentangkan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Wan Zahid berkata, kerajaan serius memperkasakan sistem pendidikan kerana negara mahukan sistem pendidikan yang membolehkan pelajar terus bersaing secara

Semua input daripada orang ramai yang dikumpulkan menerusi dialog dan sesi perbincangan townhall di seluruh negara akan menjadi panduan asas utama kepada usaha ini.

"Input yang diterima akan menjadi asas blueprint pendidikan bersepadu hingga menjadi aspirasi dan peningkatan sistem pendidikan Malaysia untuk 15 tahun akan datang.

"Kajian semula ini adalah selaras dengan polisi semasa berasaskan Laporan Razak 1956. Kita berharap dapat melaksanakan cadangan ini ke dalam bentuk blueprint seawal tahun depan," tambahnya.

Beliau memberitahu, banyak permintaan untuk mengadakan penilaian bersepadu sistem pendidikan ini, bagaimanapun keputusan diambil untuk mengadakan dialog kebangsaan dulu.

Objektif kajian semula ini adalah




**SEMBILAN bidang keutamaan.**

idea," katanya.

Selain dialog, sumber input utama kajian juga diperoleh daripada Unesco, Bank Dunia, Program Pencapaian Pelajar Antarabangsa (Pisa), Trend Kajian Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan kementerian sendiri.

Katanya, kementerian sedar mengenai keperluan meningkatkan sistem pendidikan dari segi kualiti dan ekuiti, seperti usaha yang pernah dilakukan di Amerika Syarikat, Britain, Australia, Korea Selatan dan Mexico.

Di Asia, China kini sedang menuju ke arah kebangkitan pendi-



**Ahmad Afify Mansor**

pertingkatkan pencapaian pelajar bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing merealisasikan wawasan 2020.

Guru di SMK Kubang Kerian, Kelantan, Farizal Yusoff, 37, berpendapat pencapaian pendidikan Negara secara keseluruhannya memang memberangsangkan. Namun, kita masih menjadikan pencapaian aka-

Tan Sri Wan Zahid Mohd Noordin, berkata dialog itu diadakan dengan matlamat untuk mendapatkan pandangan umum mengenai pembaharuan dalam sistem pendidikan sedia ada.

"Kali terakhir kajian sistem pendidikan negara dilakukan pada 1956 dan 1960 hingga terhasilnya Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Laporan Penilaian Sistem Pendidikan Negara (LPSPN) pada penghujung Mac lalu pula menjadi input penting kepada penyediaan blueprint dan pelan strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)," katanya.

Bagaimanapun, LPSPN bukanlah satu-satunya punca input lengkap untuk penyediaan blueprint sistem pendidikan negara itu, sebaliknya pandangan dan input komprehensif daripada semua lapisan masyarakat diusahakan mulai April 2012.

Blueprint itu akan

kan pelajar terus bersaing secara global.

Sementara itu, Dialog Pendidikan Kebangsaan yang dilancarkan hari ini menampilkan komponen terpenting ke seluruh negara untuk mendapat maklum balas masyarakat.

*Sertai kami dan berikan pandangan serta maklumbalas di*

## "Siri Jelajah Kajian Semula Pendidikan"

| | |
|---|---|
| 29 April 2012 | Putrajaya |
| 6 Mei 2012 | Perak |
| 12 Mei 2012 | Perlis & Kedah |
| 19 Mei 2012 | Sabah |
| 20 Mei 2012 | Labuan |
| 26 & 27 Mei 2012 | Sarawak |
| 03 Jun 2012 | Negeri Sembilan & Melaka |
| 09 Jun 2012 | Selangor |
| 16 Jun 2012 | Pulau Pinang |
| 23 Jun 2012 | Pahang |
| 30 Jun 2012 | Kelantan |
| 07 Julai 2012 | Terengganu |
| 14 Julai 2012 | Johor |

untuk mengenal pasti aspirasi sistem pendidikan Malaysia keseluruhan dan kepada setiap kanak-kanak di Malaysia; mewujudkan satu garis dasar prestasi (iaitu menyelidik bagaimana kelancaran sistem penyampaian pendidikan, bagaimana prestasi pelajar Malaysia dari semasa ke semasa dibandingkan dengan pelajar negara lain); memahami pemacu utama prestasi pelajar; mengenal pasti bidang keutamaan bagi pembangunan seterusnya dan membuat syor untuk transformasi.

Wan Zahid berkata, selain sesi dialog dan 'townhall' yang dilaksanakan di semua negeri, orang ramai juga mempunyai beberapa saluran lain untuk menyampaikan pendapat dan kritikan mereka menerusi laman web www.edureview.my.

"Kami mahu orang ramai bersikap terbuka dan memberikan pendapat yang membina, selain berkongsi

dikan manakala India pula rancak melahirkan graduan sains.

"Jika kita tidak ikut, kita akan terkebelakang daripada negara lain," pesannya.

Pelajar juga katanya mesti boleh menguasai kemahiran intelektual seperti celik huruf, pernomboran dan kandungan utama serta pemikiran kritikal dan kemahiran menguasai masalah.

Oleh itu pembangunan holistik di dalam dan luar kelas, kemahiran kepemimpinan, kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah.

"Kami mahu setiap pelajar di semua sekolah di semua negeri mencapai potensi penuh. Aspirasi kami ialah negara perlukan sistem pendidikan yang lebih baik.

"Aspirasi Program Transformasi Ekonomi pula ialah mengubah Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Oleh itu sistem pendidikan negara perlu selaras dalam melahirkan pelajar berkaliber dan berkualiti tinggi," ujarnya.

Guru Sekolah Kebangsaan St John 1, Kuala Lumpur, Ahmad Afify Mansor, berkata secara keseluruhannya pencapaian pendidikan negara menuju kepada perubahan sejajar dengan program transformasi kerajaan (GTP) yang mahu mem-



Farizal Yusoff

demik sebagai kayu pengukur dalam menilai seseorang pelajar. Pelajar masih dibebankan dengan berapa A yang perlu dicapai dalam peperiksaan awam

Saya juga bersetuju dengan Menteri Pelajaran Malaysia supaya matlamat akhir pendidikan di Malaysia adalah jelas untuk membentuk sahsiah insan melalui penerapan nilai-nilai murni ke dalam jiwa pelajar supaya mereka menjadi insan yang baik.

Langkah ini disokong oleh seorang bapa Che Johari Mamat yang menyifatkan usaha murni kerajaan mahu mengubah corak pendidikan sedia ada kepada yang lebih baik untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berupaya memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa.



Che Johari Mamat